

# Wujudkan ‘Penyata Anwar’ selesai isu getir pendidikan

**Polemik** pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) kembali hangat ekoran Sarawak bercadang merangka sistem penilaian sendiri menggantikan ujian dimansuhkan pada 2022 itu untuk murid Tahun Enam. Ia bertujuan dijadikan penanda aras menilai prestasi murid bagi menentukan aliran ditempatkan apabila memasuki pendidikan menengah. Untuk rekod, Kementerian Pendidikan (KPM) memperkenalkan Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK) yang dianggap lebih efektif menilai kecenderungan dan pemikiran murid.

Hakikatnya, pemansuhan UPSR diumumkan bersama pembatalan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) ketika penilaian murid mengguna pakai Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) baru dilaksanakan serta pentaksiran sumatif melalui Ujian Akhir Sesi Akademik adalah usaha reformasi pendidikan membina karakter murid selaras matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu mengenal pasti potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu merangkumi kecerdasan intelek, emosi serta rohani. Ia bertujuan memperbetulkan semula ‘kiblat’ pendidikan berorientasi peperiksaan sehingga mewujudkan ‘taasub’ ibu bapa dan tekanan kepada murid apabila keputusan peperiksaan seperti UPSR dijadikan pengukur utama kecemerlangan.

Bagaimanapun, kita mengakui keputusan besar itu diambil ketika negara dan dunia berada dalam situasi luar biasa, iaitu pandemik COVID-19 yang merencatkan sistem pendidikan sehingga terpaksa melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah, tetapi berdepan seribu satu masalah termasuk melahirkan generasi tercicir. Gabungan senario itu bersama masalah prasarana pendidikan seperti bilik darjah berkapasiti sehingga 45 murid berbanding negara maju (20-25 murid), profesionalisme dan keupayaan guru turut berdepan beban tugas, birokrasi dan campur tangan pihak tidak berautoriti serta Falsafah Pendidikan Kebangsaan tidak dijadikan asas pertimbangan utama menyebabkan kita terus terperangkap dalam isu berulang seperti pemansuhan UPSR ini.

Pada masa sama, kita merasakan kehendak sebahagian ibu bapa dan masyarakat supaya UPSR dikembalikan atau cadangan kerajaan negeri mewujudkan sistem penilaian sendiri berpunca kelemahan prestasi murid dapat dilihat di sekolah rendah mahupun menengah termasuk di sekolah berasrama penuh, apatah lagi pelajar hanya bertemu peperiksaan utama Sijil Pelajaran Malaysia. Ada pihak beranggapan perlu wujud satu peperiksaan seperti Penilaian Menengah Rendah dahulu sebelum masuk ke fasa lebih menebar di Tingkatan Empat dan Lima, sekali gus memudahkan penentuan aliran yang memberikan kesan kepada kemasukan ke institusi pengajian tinggi.

Justeru, kita meminta KPM melakukan kajian menyeluruh melangkaui Tinjauan Pelaksanaan Kurikulum Persekolahan 2027 pada Ogos lalu atau semata-mata pelaksanaan penilaian dan peperiksaan seperti mahu dilaksanakan Sarawak, sebaliknya seluruh sistem pendidikan yang mengalami perubahan 180 darjah ekoran pandemik dan Revolusi Industri 4.0 termasuk kecerdasan buatan (AI). Kita mengesyorkan kerajaan mewujudkan jawatankuasa khas menggunakan mekanisme ‘penyata’ seperti Penyata Razak, malah sebagai tanda kepentingan dan kritikal langkah itu, ia boleh diberikan nama ‘Penyata Anwar’ mengambil kira cabaran lebih getir era VUCA merujuk *volatile* (bergejolak), *uncertain* (tidak pasti), *complex* (kompleks) dan *ambiguity* (tidak jelas).